

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR  
BILANGAN 1/1988**

=====

**PELAKSANAAN SISTEM METRIK DALAM PENGURUSAN TANAH**

-----

Arahan ini adalah bertujuan supaya semua Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah dan kakitangan yang terlibat dapat memahami dan melaksanakan sepenuhnya sistem metrik dalam menjalankan tugas seharian, terutamanya yang melibatkan pengurusan dan pentadbiran tanah.

2. Adalah didapati pada masa sekarang Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah masih lagi menggunakan 'sistem imperial' dengan menggunakan unit kiraan seperti kaki persegi dan ekar dan sebagainya dalam penyediaan hakmilik-hakmilik dan kertas ringkasan yang dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri. Amalan ini bukan sahaja telah menepikan arahan Kerajaan supaya mengambil dan melaksanakan sepenuhnya sistem itu dalam setiap urusan yang berkaitan, tetapi juga telah tidak mematuhi peruntukan-peruntukan perundangan dalam Kanun Tanah Negara itu sendiri.

3. Berkaitan dengan penentuan (pengiraan) kadar cukai tahunan dan premium tanah, Seksyen 79(2)(d) dan (e) Kanun Tanah Negara ada menyatakan seperti berikut:-

“(2) The following matters shall be determined by the State Authority at the time it approves the alienation of the land under this Act to and person or body-

(d) the rate per hectare or other lesser unit of area at which the rent to be reserved thereon is to be calculated;

(e) the question whether any premium is to be charged and, if so, the rate per hectare or other lesser unit of area at which it is to be calculated.

4. Daripada peruntukan di atas, jelas menunjukkan bahawa pengiraan cukai tahunan dan premium tanah semasa meluluskan sesuatu permohonan pembermilikan tanah di bawah Kanun Tanah Negara, hendaklah berdasarkan unit kiraan hektar atau kiraan keluasan yang lebih kecil daripadanya, iaitu meter persegi dan sebagainya. Walaupun seksyen berkenaan hanya menyebut bagi tujuan pembermilikan tanah, tetapi ia tidaklah terbatas kepada urusan tersebut sahaja tetapi adalah melibatkan juga urusan-urusan pentadbiran tanah yang lain seperti permohonan tukar syarat, Lesen Pendudukan Sementara dan lain-lain urusan berkaitan. Malahan di bawah Seksyen 96 Kanun Tanah Negara telah dinyatakan dengan jelas cara-cara pengiraan cukai tahunan (dan terpakai juga untuk kiraan premium tanah sebagaimana diperuntukan di bawah Seksyen 31(4) Kanun Tanah Negara) dengan menggunakan unit-unit kiraan sistem metrik itu.

5. Sehubungan dengan itu, pada masa sekarang bagi permohonan-permohonan tukar syarat tanah, di dalam syarat kelulusan berkaitan dengan premium tambahannya, ada dinyatakan jumlah kiraan dalam sehektar dan ekar. Sebenarnya nilai kiraan seekar yang dinyatakan itu, bukanlah mempunyai nilai kiraan yang betul-betul sama (tepat) dengan nilai sehektar, tetapi adalah nilai anggaran kasar sahaja, yang bertujuan memberi panduan kepada Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan semasa menimbangkan permohonan tersebut.

Oleh itu bagi tujuan pengiraan dan pengenaan premium tambahan, Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah hendaklah berdasarkan kiraan hektar sebagaimana dinyatakan di dalam syarat-syarat kelulusan yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri itu. Melalui cara tersebut bukan sahaja dapat mewujudkan keseragaman dan ketetapan dari segi kutipan, malahan akan menentukan segala urusan yang dijalankan itu menepati dan selaras dengan kehendak undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

6. Adalah diharapkan perkara-perkara di atas mendapat perhatian sewajarnya daripada tuan dan seterusnya mengambil langkah-langkah perlu ke arah melaksanakan sistem dalam urusan-urusan yang berkaitan.

T.T.

**( DATO' ABDUL HADI BIN HJ. SIDEK )**

Pengarah Tanah dan Galian,  
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh : 10hb Oktober, 1988.

Edaran kepada:

Semua pentadbir Tanah Daerah dalam Negeri Selangor.  
Timbalan Pendaftar Hakmilik, Selangor  
Semua Pegawai di Pejabat Tanah dan Galian, Selangor